

**KESULTANAN MELAYU BRUNEI: KEMUNCULAN,  
PERKEMBANGAN DAN PERTEMBUNGAN  
DENGAN PERADABAN ASING**

**WAN ARIFFIN WAN YON**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2005**



**KESULTANAN MELAYU BRUNEI: KEMUNCULAN,  
PERKEMBANGAN DAN PERTEMBUNGAN  
DENGAN PERADABAN ASING**


**WAN ARIFFIN WAN YON**

**Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan  
sebahagian syarat keperluan Ijazah Sarjana Sastera  
(Pengajian Peradaban)  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
2005**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PERAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

..........  
Wan Ariffin Wan Yon Ba Hassan

# ABSTRAK

Kesultanan Melayu Brunei merupakan satu bukti hidup tentang kewujudan peradaban Melayu di Nusantara Alam Melayu sepanjang pentas pertembungannya dengan peradaban asing. Tulisan ini cuba untuk menonjolkan pelbagai elemen yang terdapat dalam kerajaan Melayu Islam Brunei sebagai simbol keagungan salah sebuah pusat Peradaban Melayu. Sebelum kemasukan tamadun luar, Brunei telahpun mempunyai asas kerajaan dan budaya yang tersendiri. Tulisan ini juga cuba menganalisis interaksi peradaban Melayu di Brunei dengan pelbagai peradaban yang datang. Sejak awal lagi ia telah berinteraksi dengan peradaban India dan China. Terdapat kesan hasil pertembungan dengan kedua peradaban tersebut. Kedatangan Peradaban Islam telah menjadi teras kepada Kesultanan Melayu Brunei. Di bawah pemerintahan beberapa sultannya seperti Sharif Ali dan Sultan Bolkiah, Brunei mencapai puncak ketinggian peradabannya. Pada masa itu jajahan takluknya meluas meliputi Sarawak, Pontianak, Sambas, Banjarmasin, Sabah, Kepulauan Sulu, Palawan dan Manila. Setelah itu Brunei telah berinteraksi dengan peradaban Barat. Hubungan Brunei dengan Barat melibatkan beberapa kuasa seperti Sepanyol, Portugis dan British. Pertembungan Peradaban Melayu di Brunei dengan pelbagai peradaban peradaban luar ternyata menyumbang kepada naik turunnya Kesultanan Melayu Brunei dan seterusnya memberi kesan dan pengaruh kepada kewujudan Kesultanan Melayu Brunei hari ini.

# ABSTRACT

Malay Brunei Sultanate is a living proof of the existence of the Malay civilization in Malay Archipelago. This writing is trying to show various elements in the kingdom which are the symbol of Malay legacy. Before interacting with foreign civilizations, Brunei Kingdom had established in terms of its kingdom as well as culture. Through this writing, the writer attempts to analyse the interaction between Malay civilization and foreign civilizations. From the very beginning, interaction with Chinese and Indian civilizations had occurred. Consequently, we can see the effects of the interactions. The arrival of Islamic civilization had given a great impact to the Malay Brunei Sultanate. Under a few of her sultanates like Shariff Ali and Sultan Bolkiah, Brunei achieved the peak of its civilizations, covering as far as Sarawak, Pontianak, Sambas, Banjarmasin, Sabah, Sulu Islands, Palawan and Manila. Then, Malay civilization in Brunei interacted with Western civilization like Spain, Portugese and British. The clash of civilizations between all these civilizations obviously contributes to the rise and decline of the Malay Brunei Sultanate today.

## DEDIKASI

*Untuk isteri dan anak-anak tersayang:*

*Sharifah Mardhiah,*

*Sharifah Nurun Nafisah,*

*Wan Muhammad. Ariff Zubair,*

*Sharifah Nurun Nabila*

*Serta*

*Emak & Abah*

*Hajjah Sharifah Sajerah Hamit Al-Uyahya*

*Dan*

*Haji Wan Yon Tuanku Omar Ba Hassan*

# PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah SWT Yang Maha Pencipta, yang mencipta langit dan bumi serta apa yang ada antara keduanya, serta Yang Maha Memiliki, yang memiliki segala-galanya di alam syahadah dan di alam yang ghaib. Salawat dan salam yang sempurna ke atas Penghulu segala rasul, Nabi Muhammad SAW serta keluarga baginda, para sahabah, dan para pengikut mereka yang memperjuangkan agama sehingga ke hari qiamat.

Penghargaan dan terimakasih ini ditujukan buat:

1. Penyelia Prof. Dr. Hashim Musa atas nasihat dan tunjuk ajar.
2. Abah dan emak, isteri serta anak-anak yang disayangi.
3. Penyelaras dan semua pensyarah Program Pengajian Peradaban.
4. Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Prof. Azizan Baharuddin
5. Rakan sepengajian, Abu, Awang, Zaky, Ju, Mashitah, Zamri IKIM dll.
6. Allahyarham Us. Md. Nor Yusoff, semoga Allah merahmati roh beliau.
7. Prof. Madya Dr. Hashim Hamid, Pensyarah UBD.
8. Kakitangan Perpustakaan UM, Perpustakaan HIKMAH, Pustaka Negeri Sarawak, DBP Cawangan Sarawak, Arkib Sarawak dan DBP Brunei.
9. Pengetua dan kakitangan Pusat Sejarah Brunei, khususnya saudara Awang Zainuddin.
10. Pihak Pengurusan dan rakan-rakan di UiTM terutama Pengarah UiTM Sarawak atas peluang & sokongan yang diberikan.
11. Us. Kipli, abang Salleh, Sul, Abg Z., Encik Shuib, Ibu Aisyah, Cikgu Anoi, Madie, Najib, Pizal & Syed Azmi sekeluarga.
12. Sahril, Mak Tom sekeluarga serta Sita dan suami di Brunei.
13. Hj Awang Suhaili, Awang Hanafi dan keluarga serta Ismail Kampung Aying di Brunei kerana mempermudah urusan di Brunei.
14. Saudara Wan Hamzah, Pengerusi AlafJana Group of Companies.
15. Semua pihak yang memberi sokongan moral dan material dalam menyiapkan disertasi ini.

Diharap disertasi ini dapat dimanfaatkan

Jazakumullah Khair Jaza'  
Wa ma taufiki illa billah  
Wassalam

WAN ARIFFIN WAN YON BA HASSAN

74, Fathul Ariff,  
Taman Samar Indah,  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak  
[abuariff71@yahoo.com](mailto:abuariff71@yahoo.com)

Pengajian Peradaban  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur



# KANDUNGAN

## HALAMAN

PERAKUAN	I
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	II
ABSTRAK (BAHASA INGGERIS)	III
DEDIKASI	IV
PENGHARGAAN	V
ISI KANDUNGAN	VI
SENARAI PETA	VIII
SENARAI GAMBAR	VIII
PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Tumpuan Kajian	6
Objektif Kajian	6
Metodologi Kajian	7
Rangka Teori	9
Sistematika Kajian	11
BAB PERTAMA:    LATARBELAKANG KESULTANAN MELAYU BRUNEI	
1.1.    Pengenalan	14
1.2.    Asal-Usul Nama Brunei Darussalam	22
1.3.    Sejarah Awal Brunei	26
1.4.    Kesultanan Melayu Brunei Darussalam	27
1.5.    Aspek Peradaban Melayu Brunei Darussalam	32

**BAB KEDUA: PERTEMBUNGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI DENGAN  
PERADABAN INDIA DAN PERADABAN CHINA**

2.1	Pengenalan	34
2.2	Interaksi Dengan Peradaban India	35
2.3	Pengaruh Peradaban India	38
2.4	Interaksi Dengan Peradaban China	41
2.5	Pengaruh Peradaban China	56

**BAB KETIGA: PERTEMBUNGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI DENGAN  
PERADABAN ISLAM**

3.1	Pengenalan	60
3.2	Interaksi Dengan Peradaban Islam	62
3.3	Analisis Pertembungan	67
3.4	Pengaruh Peradaban Islam	70

**BAB KEEMPAT: PERTEMBUNGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI  
DENGAN PERADABAN BARAT**

4.1	Pengenalan	86
4.2	Interaksi Dengan Peradaban Barat	86
4.3	Analisis Pertembungan	102
4.4	Pengaruh Peradaban Barat	113

<b>BAB KELIMA: KESIMPULAN</b>	<b>120</b>
-------------------------------	------------

<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>143</b>
-----------------------	------------

<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>144</b>
-----------------------	------------

<b>BAHAN RUJUKAN</b>	<b>150</b>
----------------------	------------

## **SENARAI JADUAL**


Jadual 1	: Sultan-Sultan Brunei	143
----------	------------------------	-----

## **SENARAI PETA**

Peta 1	: Negara Brunei Darussalam	IX
--------	----------------------------	----

## **SENARAI GAMBAR**

Gambar 1	: Bergambar dengan Pengetua Pusat Sejarah Brunei selepas sesi temubual	144
Gambar 2	: Pegawai Penyelidik Pusat Sejarah Brunei, Saudara Awang Zainuddin memberi penerangan di samping temubual	144
Gambar 3	: Penggunaan tulisan Jawi digunakan secara meluas di Brunei	145
Gambar 4	: papan tanda 'Pondok Pizza' dalam tulisan Jawi	145
Gambar 5	: Gambar sebuah sekolah sewaktu penulis melawat Kampung Air	146
Gambar 6	: Salah sebuah masjid di Kampung Air	146
Gambar 7	: Replika Makam DiRaja Sultan Bolkiah di Pusat Sejarah Brunei	147
Gambar 8	: Hadiah tanda persahabatan antara China dan Brunei	147
Gambar 9	: Masjid Sultan Omar Saifuddin	148
Gambar 10	: Papan-papan tanda tidak mengabaikan penggunaan tulisan Jawi	148
Gambar 11	: Penulis berkesempatan mengabadikan gambar di Makam DiRaja Sultan Sharif Ali yang dikenali dengan gelaran 'Sultan Berkat'	149
Gambar 12	: Makam DiRaja Sultan Bolkiah	149



**Peta 1: Negara Brunei Darussalam (Mohammad Abd. Rahman, 2001)**

## PENDAHULUAN

### **Pengenalan**

Kajian ini membincangkan sejarah Kesultanan Melayu Brunei dari segi asal usul dan perkembangannya serta pertembungan Kesultanan Melayu Brunei yang mewakili Peradaban Melayu dengan peradaban asing. Kajian ini memperlihatkan kesan serta pengaruh peradaban asing tersebut terhadap perkembangan dan kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei. Kajian akan menjejak zaman bermulanya Kesultanan Melayu Brunei, perkembangannya sehinggalah kepada kejatuhannya. Kesultanan Melayu Brunei telah bertembung dengan hampir semua peradaban besar di dunia seperti Peradaban India, China, Islam dan juga Peradaban Barat. Kajian seterusnya membincangkan perkembangan dan pertembungan di antara peradaban tersebut berdasarkan beberapa teori seperti Teori Alunan Akbar Ahmad, Teori Pertembungan Peradaban Huntington dan Teori Linear Carroll Quigley.

Pertembungan atau interaksi peradaban bermaksud pertemuan, perhubungan dan komunikasi yang berlaku antara dua atau lebih peradaban. Ketika berlaku komunikasi tersebut, pertemuan antara peradaban-peradaban itu adalah pertemuan yang aktif dan saling bertindak balas. Melalui interaksi tersebut dapatlah kita memahami bagaimanakah sesebuah tamadun itu dapat membentuk jati diri tamadunnya yang dapat dilihat sekarang ini (Samri

Sainudin; 1999:72). Pertembungan antara peradaban secara realitinya adalah pertembungan di antara individu, kelompok dan juga masyarakat. Pertembungan tersebut menyebabkan berlakunya proses memberi dan juga menerima. Proses-proses ini akan memperkayakan sesuatu peradaban dan menjadikan ia terus dinamik dan berkembang. Oleh sebab itu, pengajian peradaban bukan sahaja mengkaji satu-satu peristiwa tetapi juga meliputi keseluruhan kajian terhadap perkembangan dalam jangka masa yang panjang.

Menurut Akbar S. Ahmad, perkembangan peradaban Islam adalah “*a rhythm, a flux and reflux, a rise and fall, peaks and troughs*” (Akbar Ahmed, 1988:31). Beliau berpendapat, semasa kemerosotan peradaban Islam di sesuatu wilayah, terdapat juga kebangkitan Islam di wilayah yang lain. Akbar S. Ahmad membincangkan teorinya ini dalam bukunya yang bertajuk *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society*. Beliau berpendapat kemuncak peradaban Islam adalah pada zaman Nabi Muhammad SAW. Zaman inilah yang menjadi titik pengukur dalam peradaban Islam. Kegemilangan peradaban Islam di sesuatu wilayah bergantung kepada sejauh mana ia menghampiri suasana ideal pada zaman Nabi Muhammad saw. Tamadun Islam di seluruh dunia sentiasa naik dan turun, pasang dan surut walaupun secara material, terdapat perluasan dari segi wilayah dan kemajuan dari segi kebendaan. Akbar Ahmad menganggap peradaban Islam itu akan merosot apabila nilai akhlak dan moral penganutnya turut menurun.

Bagi membicarakan teori alunan ini, Akbar S. Ahmed telah membahagikan zaman Islam kepada enam kategori:

1. Zaman Nabi Muhammad saw dan khalifah
2. Dinasti Arab
3. Tiga empayar muslim
4. Islam di pinggiran
5. Islam di bawah penjajahan barat
6. Islam kontemporari

Samuel Huntington dalam bukunya *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*, menjelaskan bahawa dalam peradaban yang pelbagai terdapat kecenderungan untuk bertembung di antara satu sama lain. Pertembungan tersebut berlaku samada dalam bentuk yang harmoni ataupun konflik. Kajian ini akan memperlihatkan bentuk pertembungan yang berlaku serta faktor yang mempengaruhinya.

Caroll Quigley pula melihat kemunculan dan perkembangan peradaban manusia secara linear. Dalam bukunya *The Evolution of Civilizations*, Quigley telah mendefinisikan peradaban sebagai masyarakat yang menghasilkan produk (*civilization is a producing society*). Bagi membicarakan teori peradabannya, beliau percaya bahawa sesuatu peradaban itu bergerak sehala

iaitu ia lahir, muncul, berkembang dan seterusnya hancur. Quigley berpendapat;

*“Beyond recognizing that civilizations begin and end, historians are fairly well agreed that, after they begin, they flourish and grow for a while, that eventually they reach a peak of power and prosperity, and that they weaken and decay before their final end.” (Quigley, 1961:128)*

Antara yang menarik dalam perbincangan beliau ialah beliau mengkaji faktor instrumen peluasan (*instrument of expansion*) sebagai faktor penting dalam perkembangan peradaban. Beliau menyatakan;

*“By the term ‘instrument of expansion’ we mean that the society must be organized in such a fashion that three things are true: (1) the society must be organized in such a way that it has an incentive to invent new ways of doing things; (2) it must be organized in such a way that somewhere in the society there is a accumulation of surplus - that is, some persons in the society control more wealth than they wish to consume immediately; and (3) it must be organized in such a way that the surplus which is being accumulated is being used to pay for or to utilize the new inventions. All of these things are essential to any civilization. Taken together, we call them an instrument of expansion.” (Quigley, 1961:132)*



Berdasarkan kenyataan ini, instrumen peluasan menurut Quigley merangkumi:

1. insentif bagi penciptaan baru
2. lebihan (*surplus*)
3. lebihan digunakan untuk penciptaan baru

Beliau turut menyatakan tentang interaksi antara peradaban (*mixture*) sebagai faktor penting dalam kewujudan dan perkembangan sesuatu tamadun.

Menurut Quigley, terdapat 7 tahap perkembangan peradaban iaitu:

1. *Mixture* (Percampuran)
2. *Gestation* (Pengeraman)
3. *Expansion* (Peluasan)
4. *Conflict* (Konflik)
5. *Universal Empire* (Empayar Universal)
6. *Decay* (keruntuhan)
7. *Invasion* (Penaklukan)

Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa pertembungan atau interaksi antara peradaban sentiasa saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain dan juga membawa kesan samada positif atau negatif terhadap sesuatu peradaban. Ini kerana tidak ada peradaban yang tulen dalam erti kata yang sebenar melainkan ia sentiasa dinamik dengan mempengaruhi dan dipengaruhi.

Penulis mendapati aspek pertembungan ini perlu dikaji untuk mengetahui bentuk interaksi yang berlaku, faktor yang mempengaruhinya, kesan dan pengaruh yang diberikan hasil daripada pertembungan tersebut terhadap peradaban Melayu serta pengajaran yang boleh didapati.

### **Tumpuan Kajian**

Penulis menumpukan kajian terhadap Kesultanan Melayu Brunei disebabkan ia adalah satu-satunya 'living proof' ataupun bukti yang masih hidup mengenai Kesultanan Melayu. Berdasarkan kajian ini, penulis cuba menghuraikan dengan jelas bagaimana bermulanya Kerajaan Brunei, perkembangannya serta interaksinya dengan peradaban asing.

### **Objektif Kajian**

Kajian terhadap Peradaban Melayu di Brunei dilakukan dengan melihat bagaimana dinamikanya peradaban Melayu yang ada di bumi Brunei sehingga mampu kekal hingga ke hari ini.

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji Kemunculan dan Perkembangan Kesultanan Melayu Brunei sebagai pusat peradaban Melayu di Nusantara sehinggalah ia kekal ke hari ini.
2. Menganalisis pola dan bentuk pertembungan yang berlaku antara Peradaban Melayu Brunei dengan Peradaban asing.
3. Membincangkan faktor yang menentukan pola pertembungan antara Peradaban Melayu dengan Peradaban asing.
4. Membincangkan kesan serta pengaruh peradaban asing terhadap Peradaban Melayu Brunei.
5. Memberi gambaran tentang kekuatan yang ada pada Peradaban Melayu sebagai faktor kebangkitan Peradaban Melayu dalam menghadapi dunia masa kini.
6. Mengenalpasti kesan pertembungan tersebut terhadap pembinaan Peradaban Melayu.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan salah satu aspek penting kerana hasil daripada kajian tersebut merupakan fakta atau pernyataan yang boleh diterima.

Dalam penulisan disertasi ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah.

Antaranya:

#### 1. Kaedah Pengumpulan Data.

Pengumpulan data digunakan dalam usaha untuk mendapatkan lebih banyak maklumat.

#### 2. Sumber Data.

Pengumpulan data diperolehi daripada:

##### a) **Penyelidikan Perpustakaan.**

Dalam kajian ini, penulis akan mengutip seberapa banyak sumber daripada perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di Malaysia dan Brunei seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Sarawak, Arkib Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Pusat Sejarah Brunei Darussalam dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.

## **b) Penyelidikan Lapangan.**

Bagi menambah, memperbanyak dan melengkapkan lagi data, penulis telah menggunakan penyelidikan di luar perpustakaan seperti lawatan ke Muzium Sarawak, Muzium Brunei, Adat Kebesaran dan Makam Diraja. Dengan melihat sendiri tempat serta bahan sejarah tersebut penulis mendapat pengalaman yang amat berharga. Apabila penulis berdiri di kawasan bukit yang dikatakan sebagai pusat pentadbiran Brunei Lama penulis cuba membayangkan bagaimana hebatnya penduduk Brunei memepertahankan pusat Peradaban Melayu tersebut dari serangan tentera Sepanyol. Di samping itu penulis berpeluang mengadakan temubual dengan beberapa tokoh tempatan seperti Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Pehin Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Pensyarah Pusat Akademi Brunei Universiti Brunei Darussalam, Prof. Madya Dr. Hashim Hamid dan penyelidik Pusat Sejarah, Saudara Awang Zainuddin.

## **Rangka Teori**

Penulis cuba mengaitkan maklumat yang didapati dengan beberapa teori perkembangan tamadun iaitu, Teori Pertembungan Tamadun Samuel P. Huntington, Teori Alunan Akbar S. Ahmad dan Teori Linear Carol Quigley.

Berdasarkan Teori Pertembungan Tamadun, Samuel P. Huntington menjelaskan bahawa pertembungan peradaban berlaku disebabkan oleh penguasaan hegemoni negara-negara maju ke atas negara dunia ketiga atau pun negara membangun. Pertembungan ini akan menyebabkan berlakunya konflik ke atas masyarakat yang akan datang terutamanya dan segi budaya. Samuel P. Huntington juga menjelaskan bahawa masyarakat di dalam setiap peradaban berbeza caranya termasuklah dalam bidang keagamaan, ekonomi, sejarah, bahasa dan sebagainya. Perbezaan peradaban inilah yang akan melahirkan konflik yang berpanjangan dan kesannya begitu ketara ke atas sesuatu masyarakat itu. Begitu juga dengan dunia yang semakin mengecil menyebabkan interaksi antara peradaban semakin bertambah. Peradaban yang menguasai dunia seperti peradaban Barat akan mempengaruhi peradaban yang lain terutamanya dari segi pemodenan, kemajuan ekonomi, dan perubahan sosio-budaya. Akhirnya masyarakat tempatan akan dipisahkan dengan identiti tempatan yang telah lama wujud. Berdasarkan teori inilah pengkaji telah mengkaji bentuk pertembungan yang berlaku antara Peradaban Melayu di Brunei dengan peradaban asing. Pengkaji mendapati bahawa pertembungan peradaban ini telah memberi kesan yang ketara pengaruhnya dalam pelbagai aspek seperti dari segi politik, ekonomi, dan sosio-budaya.

Akbar S. Ahmad di dalam bukunya *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society* telah menerapkan teori alunan berkaitan apabila membincangkan peradaban Islam. Beliau menjelaskan bahawa jatuh bangun peradaban Islam bukannya bersifat kitaran seperti yang disebut oleh Ibn

Khaldun ataupun secara sehalu seperti yang disebut oleh kebanyakan sarjana Barat seperti Arnold J. Toynbee dan juga Quigley. Menurut Akbar Ahmad, sejarah peradaban Islam dapat dilihat sebagai alunan pasang surut yang naik dan turun dalam usaha menerapkan kembali konsep ideal Islam. Beliau melihat kemuncak Peradaban Islam ialah pada tiga kurun pertama dalam Islam iaitu zaman Nabi Muhammad saw dan rangkaian para sahabat *ridhwanullah 'alaih*. (Akbar Ahmad, 1988:31)

Caroll Quigley pula dalam bukunya *The Evolusion of Civilizations* mengolah secara kritikal kebangkitan dan kejatuhan sesuatu peradaban. Beliau turut menganalisis naik turunnya peradaban Melayu di Brunei Darussalam, teori alunan yang diketengahkan oleh Akbar Ahmad dan teori linear Caroll Quigley akan dijadikan rangka teori.

### **Sistematika Kajian**

Bagi menghasilkan sebuah disertasi yang lengkap, penulis telah menyusun kajian ini kepada lima bab.

**Bab Pertama** menerangkan tentang pengenalan kepada Peradaban Melayu dan seterusnya latar belakang Kerajaan Melayu Brunei Darussalam. Bab Satu juga menyentuh Kesultanan Melayu Brunei sebagai satu ciri penting dalam peradaban Melayu.

**Bab Kedua** pula menerangkan tentang pertembungan peradaban Melayu dengan Peradaban India dan Peradaban China, serta kesan dan pengaruhnya terhadap peradaban Melayu.

**Bab Ketiga** membincangkan tentang pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban Islam serta pengaruhnya terhadap Peradaban Melayu di Brunei.

**Bab Keempat** pula cuba melihat pertembungan peradaban Melayu dengan peradaban Barat didahului dengan kedatangan Portugis, Belanda, diikuti Sepanyol dan Amerika dan seterusnya British. Kesan kolonialisme ke atas peradaban Melayu khususnya kesan penjajahan British di Brunei terutamanya di dalam bidang politik, perundangan dan pemikiran. Penulis juga menceritakan tentang kehilangan kuasa Sultan dengan pengenalan kuasa Residen.

**Bab Kelima** sebagai kesimpulan. Dalam bab ini penulis akan menyimpulkan perkembangan naik turun peradaban Melayu di Brunei berdasarkan rangka teori yang digunakan. Penulis juga akan menganalisis bentuk pola yang mewarnai pertembungan Peradaban Melayu dengan peradaban asing. Seterusnya faktor-faktor yang mempengaruhi pertembungan dan pengaruh peradaban asing terhadap peradaban Melayu di Brunei. Penulis juga akan mencungkil iktibar yang boleh diambil serta apakah faktor-faktor



kekuatan yang terdapat dalam peradaban Melayu Brunei yang boleh dijadikan  
asas kepada kebangkitan semula peradaban Melayu masa kini.